

# IMĀM ABŪ ḤASAN AL-ASY'ARĪ: ANALISA BERHUBUNG SUMBANGAN TAJDID DAN ISLAHNYA

Oleh :

Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim\*

## Abstrak

*Al-Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī (883-935 M) adalah antara mujaddid agung umat Islam. Melalui usaha dan kegigihan beliau dalam perdebatan, penulisan dan dakwah telah berjaya mengembalikan masyarakat Islam kepada kemurnian akidah, penghayatan syariah dan kehidupan beretika di kalangan masyarakat Islam zamannya yang berhadapan serangan pendekatan rasional akal hingga mengeneipkan pernyataan al-Qur'an dan al-Sunnah. Rencana ini cuba membuat sorotan ringkas terhadap sumbangan dan peranan Abū Ḥasan al-Asy'arī untuk diambil iktibar dalam menangani isu-isu penyelewengan agama semasa. Beliau memulakan peranan tajdid dengan menunjukkan tauladan memenuhi taubat kerana aktiviti penyelewengan pemikiran diikuti kemudian dengan usaha gigih menangani penyelewengan melalui usaha dialog, penulisan dan dakwah serta akhirnya meletakkan asas kepada ilmu kalam sunni. Melaluinya, Abū Ḥasan al-Asy'arī mengemukakan analisa pernyataan al-Qur'an dan al-Sunnah berasaskan hujah-hujah rasional akal dalam penentangan dan penolakan terhadap rasional akal oleh kalangan pemimpin muktazilah hingga ia dapat dipatahkan dari menguasai masyarakat zamannya. Seperti diketahui umum dalam kenyataan al-Qur'an terdapat jumlah ayat yang besar hujah-hujah berbentuk akliyah dalam menegak kebenaran dan mengeneipkan kebatilan. Melalui Abū Ḥasan al-Asy'arī lahir asas kepada ilmu kalam sunni. Beliau mengambil pendekatan pendidikan akidah ulūhiyyah berasaskan sifat dua puluh dan mengaplikasikan asas memenuhi taubat kerana kesilapan berbentuk pemikiran.*

**Kata kunci:** *Abū Ḥasan al-Asy'arī, Asyā'irah, ilmu kalam, sunni, akli*

## Abstract

*Al-Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī (883-935 M) is one of the Mujaddid Muslims. Through his efforts and dedication in debate, writing and preaching, Muslim community has been able to return to the purity of the faith, appreciating Islamic and ethical life in the Muslim community in facing attacks by those who use rational approach to waive the notion of the Qur'an and Sunnah. This article attempts to briefly highlight the contribution and role of Abū Ḥasan al-Asy'arī to take lessons in dealing with issues of religious abuse. He started the role as reformers by showing the example which he repentance from deviant thought, followed later by his hard work in addressing corruption through dialogue, writing and preaching, and ultimately laid the foundations of Sunni's theology. Through this, Abū Ḥasan al-Asy'arī sets out an argument and analysis based on*

---

\* Ahmad Zaki Berahim@Ibrahim, PhD, merupakan Profesor Madya dan pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

*the Qur'an and Sunnah as well as using reason to encounter the rational mind by the Mu'tazili leaders. In fact the Qur'an has a large number of sentences referring to reasoning arguments in defining truthful and falsehood. From Abū Ḥasan al-Asy'arī, Sunni's theology was born. He took ulūhiyyah faith-based education approach based on twenty-attributes of Allah and he meet the basic application form of repentance for wrong thinking.*

**Kata kunci:** *Abū Ḥasan al-Asy'arī, Ashā'irah, kalam theology, sunni, akli*

## **Pendahuluan**

Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī adalah antara 'ulamā' Islam tersohor dan mempelopori satu aliran pemikiran dalam bidang akidah yang kemudian dikenali dengan nama keturunannya iaitu aliran al-Asyā'irah. 'Alīran ini telah mendapat tempat dihati nurani umat Islam. 'Alīran ini telah mendapat sokongan dan pengaruh besar di seluruh dunia Islam. Sokongan yang dicapai ini adalah kerana berpaksikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai asas akidah dan pemikirannya, di samping tidak meninggalkan rasional akal dalam huraian-huraiannya terhadap kenyataan – kenyataan al-Qur'an. Kombinasi dari kenyataan al-Qur'an, al-Sunnah dan akal ini telah mempengaruhi keutamaan dan keunggulannya mendominasi pegangan majoriti umat Islam di seluruh dunia Islam. Serentak dengan pengaruh besarnya ini telah meletakkan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī (270-324 H / 883 – 935 M) disenaraikan oleh Ibn al-Āthīr, al-Suyūfī dan selainnya sebagai 'ulamā' mujaddid mewakili kurun ketiga hijrah.<sup>1</sup>

*Tajdīd al-Dīn* adalah perspektif Islam yang bermaksud membezakan apa yang merupakan tuntutan agama daripada apa-apa yang bukan. Berasaskan ini, termasuk dari peranan tajdid dan islah ialah membersihkan dan memurnikan penghayatan dan amalan masyarakat daripada penyelewengan dan bid'ah, sama ada penyelewengan itu lahir daripada faktor dalaman masyarakat itu sendiri atau dari anasir pengaruh pemikiran asing yang tidak menepati tuntutan agama. Schubungan ini, Ibn Taimiyyah<sup>2</sup> berpendapat bahawa penyelewengan dalam agama selalu melibatkan dua kategori ; Pertama, penyelewengan pemikiran, iaitu segala kesilapan dari sudut tanggapan tasawwur seseorang individu atau masyarakat itu tidak dapat menanggapi sesuatu secara benar sehingga menganggap kebenaran sebagai kebatilan atau keburukan sebagai kebaikan atau sebaliknya. Penyelewengan berbentuk pemikiran seperti ini akan memberi pengaruh kepada iktikad dan kefahaman dan akan mempengaruhi kepada perubahan dan penukaran asas-asas agamanya.

---

<sup>1</sup> Ibn al-Āthīr, Muḥammad (1393 H), *Jāmi' al-Usūl fī Aḥādīth al-Rasūl*, j.11, Kaherah: t.p, h. 322.

<sup>2</sup> Ibn Taimiyyah, Syeikh Aḥmad Taqī al-Dīn bin Abd al-Ḥalīm (1378H), *Fatāwā Syaikh al-Islām Ibn Taimiyyah*, Abd al- Raḥmān Muḥammad al-Najdī (pnyt.), J. 10, Riyadh,: t.p., h. 93.

Kedua, penyelewengan peribadi dan akhlak yang lahir dari dorongan nafsu syahwat dan kebendaan. Penyelewengan kategori ini terhasil akibat kelemahan keperibadian yang mempengaruhi akhlak dan amalan seseorang walaupun dari sudut prinsip dan kefahamannya adalah betul.

Dalam melihat kesan buruk dari kedua-dua kategori penyelewengan ini, Ibn Taimiyyah selanjutnya telah menyifatkan kategori penyelewengan pertama – yang diistilahkan oleh sebahagian ‘ulamā’ sebagai penyelewengan bida’ah atau syubhat – adalah lebih merbahaya dan buruk berbanding penyelewengan kedua – penyelewengan maksiat atau syahwat –. Pandangan dan kesimpulan ini adalah didasarkan kepada kategori pertama melibatkan prinsip dan pemikiran dan dengan sendirinya akan terbawa kepada penyelewengan kedua dari sudut keperibadian dan akhlak. Bahkan selalunya penyelewengan kategori pertama adalah lebih sukar untuk dikembalikan kepada kebenaran kerana kebatilan itu pada tasawwurnya adalah kebenaran. Oleh itu sesetengah ‘ulamā’ menyifatkan bida’ah lebih diminati oleh Iblis berbanding maksiat, kerana bidaah meletakkan seseorang itu sukar untuk bertaubat sedangkan maksiat adalah lebih mudah kepada seseorang itu untuk bertaubat.<sup>3</sup>

Mengulas kenyataan ‘ulamā’ dan para salafussoleh, Ibn Taimiyyah mengatakan bahawa:

“Pengertian kata-kata mereka bahawa bidaah meletakkan seseorang sukar bertaubat adalah kerana pengamal bidaah telah mengambil dan meletakkannya sebagai tuntutan agama dari perkara yang tidak disyariatkan oleh Allah dan RasulNya. Dalam keadaan kefasikan amalan tersebut diberikan hiasan sehingga seolah – olah kebaikan. Maka bagaimana mereka akan bertaubat kerana dilihatnya amalan tersebut sebagai baik. Langkah pertama kepada taubat ialah pengetahuan dan kesedaran bahawa perilaku dan perbuatannya itu adalah keburukan. Selama mana seseorang itu menganggap perilaku dan perbuatannya adalah elok, walaupun pada hakikatnya adalah keburukan, maka dia tidak akan bertaubat. Sesungguhnya taubat sesuatu kemungkinan dan akan menjadi kenyataan, melalui petunjuk Allah s.w.t hingga disedarinya dan diketahuinya tentang kebenaran dan kebaikan.”<sup>4</sup>

Di antara contoh dan usaha dalam memperbaiki penyelewengan pemikiran dan keperibadian adalah seperti yang dilakukan oleh Abū Ḥasan al-Asy'arī. Artikel ini cuba memperkenalkan langkah-langkah islah dan tajdid beliau bagi maksud mengambil iktibar, sesuai dengan tuntutan pengajian sejarah dari perspektif al Qur'an dan pada pandangan ilmuan Islam adalah untuk maksud iktibar atau diqiaskan antara masa lalu, masa kini dan masa akan datang. Walaubagaimanapun

---

<sup>3</sup> Ibn Taimiyyah (1378H), *Fatāwā Syaikh al-Islām Ibn Taimiyyah*, J. 10, h. 10

<sup>4</sup> *Ibid.*

adalah tidak lengkap dalam melihat peranan sumbangan Abū Ḥasan al-Asy'arī tanpa terlebih dahulu diperkenalkan latarbelakang pendidikan dan realiti zamannya terlebih dahulu.

### Latarbelakang Keluarga dan Pendidikan

Nama Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī ialah 'Alī bin Ismā'īl bin Abī Basyr Ishāq bin Sālim bin Ismā'īl<sup>5</sup> bin Abdullah bin Mūsā bin Bilāl bin Āmīr Baṣrah bin Abī Burdah Āmīr bin Abī Mūsā Abdullah<sup>6</sup> bin Qays Haddar al-Asy'arī<sup>7</sup> al-Baṣrī al-Yamanī<sup>8</sup>. Beliau dilahirkan di Baṣrah, Iraq pada tahun 160 H / 873 M<sup>9</sup> dan meninggal pada tahun 324 H / 935 M di kota Baghdad.<sup>10</sup> Berdasarkan penjelasan ini ternyata Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī adalah dari keturunan salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w tersohor iaitu Abū Musa al-Asy'arī iaitu Abdullah bin Qais bin Haddar al-Asy'arī al-Yamanī al-Baṣrī. Beliau adalah antara *fuqahā'* sahabat atau sahabat *al-Qurrā'* dan antara sahabat yang banyak menyumbangkan khidmat dan bakti bagi kecemerlangan Islam.

Dari sudut sejarah pendidikan pula, ayahnya ketika hampir meninggal dunia telah mewasiatkan beliau kepada 'ulamā' terkenal dalam bidang fiqh dan ḥadīth iaitu Zakaria bin Yaḥyā al-Sahī.<sup>11</sup> Ini telah menjadikan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī mempunyai kecenderungan dan pegangan yang kuat kepada ḥadīth kerana pengaruh bapa dan gurunya yang terawal. Setelah kematian ayahnya, ibunya telah berkahwin dengan seorang tokoh Muktazilah iaitu Abū 'Alī al-Jubbā'ī<sup>12</sup>. Ini telah mempengaruhi Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī dengan mazhab Muktazilah<sup>13</sup> dan

---

<sup>5</sup> Ibn al-Nadīm, *al-Fihrist* (t.t), Kaherah: Matba'ah al Istiqamah h. 271; al-Baghdadi (W. 463H), *Tārīkh Baghdad*, Beirut: al-Kutub al Islāmīyah, J. 10, h. 346. Bagi memperoleh laporan terperinci biografi Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī boleh dilihat dalam Ibn al-Salāh (1992), *Ṭabaqāt al-Fuqahā'*, J. 11, Beirut: Dār al-Basyā'ir al Islāmīyah, h. 604; Ibn Khalikan (t.t.), *Wafayāt al-A'yān*, J. 11, Kaherah: Maktabah al Nahḍah al-Islāmīyah, h. 510.

<sup>6</sup> Ibn Aḥmad (1350H), *Sadharat al-Dhahab*, J. 11, Kaherah: Maktabah al-Quds, h. 303; Jala al-Ahnaim (1961M), Kaherah: Maktabah al Madarī, h. 23.

<sup>7</sup> Ibnu Kathīr (1966), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, J. 11, Beirut: Matba'ah al-Ma'ārif, h. 187; Abd al-Raḥmān Badawī (1983), *Madhārib al-Islamiyyīn*, J. 11, Beirut: Dār al-Ilm al-Masayyīn, h. 487; Abū Bakar Khālid Ibrāhīm al Mausilī (1990), *Syū'bah al-'Aqīdah*, Beirut: Dār al Kutub al-'Arabī, h. 20.

<sup>8</sup> Ibn 'Asākir (1346), *Tabyīn Kadhb al Muftarī*, Damsyik: Maktabah al Taufiq, h. 34; Ibn al Jauzī al-Mulfāzim, *al-Madhāhib*, J. 1, Kaherah: Dār al Fikr al-'Arabī, h. 180.

<sup>9</sup> Ibn Khalikan, *Wafayāt al-A'yān*, h. 571; Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, h. 187. Riwayat lain menyatakan beliau dilahirkan pada 270H/883M (Ibn Kathīr, *op.cit.* h. 187).

<sup>10</sup> Ibn 'Asākir, al-Dimashqī, *Tabyīn Kadhb al Muftarī*; lihat sama Ibn Salāh, *Ṭabaqāt al-Fuqahā'*, h. 606. Terdapat catitan yang menyatakan beliau meninggal pada 330H/941M

<sup>11</sup> Al-Imām al-Hafiz yang merupakan periwayat ḥadīth di Basrah tersohor Abū Yaḥyā Zakariyyā bin Yaḥyā bin Abd al-Raḥmān al-Sajī (308H/920M) Ibn al-'Imād Ḥanbalī, Abd al-Raḥmān, *Syadharāt al-Zahab Fī Akhbār Man Zahab*, J. 2, Beirut: Matba'ah al-Tijārī, h. 250.

<sup>12</sup> Beliau ialah Muḥammad bin Abdul Wahāb bin Saām al-Jabā'ī (303H/915M) adalah pemimpin ilmu Kalam zamannya yang telah memusakai ilmu tersebut dari Abī Yūsūf, Ya'aqūb al-Syāham al-Baṣrī, pemimpin Muktazilah di Kota Basrah dengan beliau menghasilkan makalah-makalah terkenal dalam ilmu Kalam. Ibn Khalikan, *Wafayāt al-A'yān*, J. 4, h. 267; Ibn 'Imād, *Syadharāt al-Zahab*, J.2, h. 241.

<sup>13</sup> Pertumbuhan aliran ini dalam masyarakat Islam pada era pemerintahan Umawī dan ia berada di kemuncak keagungan pada zaman Abbāsī kerana sokongan politik. Di kalangan sejarawan tidak

menguasai ilmu kalam dengan mendalam, bahkan menjadi antara tokoh terkenal Muktazilah yang pernah mewakili aliran tersebut dalam perdebatan dengan para ‘ulamā’ ahli sunnah wal jamaah.

### **Pengiktirafan Ulama Sezaman Terhadap Ketokohnya**

Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī menguasai pelbagai disiplin ilmu. Jika diperhatikan kepada hasil tulisannya yang banyak berdasarkan apa yang disebut oleh Ibn Shākir, al-Zarkalī adalah mencecah 300 buah karangan kecil dan besar<sup>14</sup>. Ini menunjukkan kedudukan beliau yang tinggi dalam penguasaan ilmu. Tulisan – tulisan beliau merangkumi pelbagai cabang pengetahuan seperti dalam bidang akidah, tafsir, syariah dan usul seperti ijma’, qias, ijtihad dan selainnya.

Berdasarkan aktiviti yang luas dalam dakwah perdebatan dan penulisan, kalangan ‘ulamā’ sezaman beliau memberi pengiktirafan yang mengagumkan terhadap beliau. Sebagai contoh, al-Khātib al-Baghdādī mengatakan bahawa Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī adalah ‘ulamā’ kalam yang menulis kitab dan karangan yang banyak khususnya dalam menolak aliran *mulhid* dalam masyarakat dan selainnya dari kalangan Muktazilah, Rafidhah, al-Junainah dan semua aliran bida’ah.<sup>15</sup> Manakala Abū Bakr al-Sayrafī pula menyatakan bahawa aliran Muktazilah mendapat kedudukan tinggi untuk beberapa ketika sehinggalah Allah s.w.t melahirkan Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī dan memberikan hidayah kepadanya lalu keluar dari aliran Muktazilah dan bangkit menentanginya hingga berjaya membantutkan perkembangannya di kalangan masyarakat untuk beberapa waktu.<sup>16</sup> Tokoh sejarah yang terkenal, Ibn Khaldūn pula menyifatkan Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī sebagai tokoh yang menegak dan memperjuangkan aliran ahli sunnah wal jamaah hingga aliran tersebut dinisbahkan kepadanya dengan dikenali sebagai aliran al-Asy‘arī.<sup>17</sup> Demikian ‘ulamā’ dan tokoh sejarah Islam telah banyak memuji ketokohnya dan menamakannya sebagai tokoh mujaddid kurun

---

sependapat mengenai tarikh kelahirannya. Sesetengah meyakini ia bermula dari kalangan pengikut ‘Alī bin Abī Tālib yang mengambil sikap dan pendekatan mengelak dari terlibat dalam aspek politik berikutan penyerahan Ḥasan bin ‘Alī tanggungjawab khilafah kepada Muawiyah dengan mereka melazim diri di rumah dan masjid mereka atau bergerak dalam lapangan ilmu pengetahuan dan ibadat. Walaubagaimanapun pendapat terbanyak dan lebih nyata adalah dimulakan oleh Wāsil bin ‘Aṭā’ yang mengambil pendekatan keluar dari majlis pengajian di bawah pimpinan Ḥasan al-Basri kerana isu pelaku dosa-dosa besar. (Abū Zuhrah, *Tāriḫ al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, Kaherah, h. 124). Manakala Aḥmad Amīn, berasaskan rujukan kepada al-Makrizi menyatakan bahawa pergerakan Yahudi yang dikenali ‘al-Furusyim’ yang mentafsirkan kitab suci mereka (taurat) berasaskan falsafah, maka dinamakan mereka dengan Muktazilah seperti kumpulan Yahudi tersebut. (Aḥmad Amīn (1978), *Fajr al-Islām*, Kaherah: al-Nahḍah al-Islāmiyyah, h. 283. Abū Zuhrah, *Tāriḫ al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, h. 125).

<sup>14</sup> Al Zarkalī, Khayr al-Dīn (1389H), *al A‘lām*, Beirut, h. 83; Abū Ḥasan al-Asy‘arī (1988), *Risālah Ilā Ahl al-Thighār*, Abdullah Shākir Muḥammad al Junaydī (pnyt.), Beirut, h. 47.

<sup>15</sup> Al-Khātib al-Baghdādī, Abū Bakr, Ahmad bin ‘Alī, (t.t), *Tāriḫ Baghdad Aw Madīnah al-Salām*, J. 11, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 346.

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> Ibnu Khaldūn, Abd al-Raḥmān bin Muḥammad (t.t), *al-Muqaddimah*, Kaherah: Fajalah, h. 1080.

ketiga hijrah.<sup>18</sup> Berdasarkan banyak riwayat, beliau disebut sebagai seorang yang amat zuhud dan kuat beribadat. Ibn ‘Asākir meriwayatkan dari Abi Mūsā ibn Aḥmad, cerita yang didengar dari ayahnya yang pernah berkhidmat dengan Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī beberapa tahun telah menyatakan bahawa dia tidak mendapati seorang yang wara’ dan kuat menjaga penglihatan lebih darinya di samping beliau yang tinggi kualiti, malu terhadap dunia dan amat cergas dalam mengaplikasi amalan untuk akhirat.<sup>19</sup>

### **Peringkat – Peringkat Pemikirannya**

Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī telah melalui dan memperhatikan peringkat-peringkat pemikiran yang berbeza disebabkan persekitaran yang mempengaruhi pemikirannya. Dalam biografinya, dinyatakan bahawa Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī pada mulanya beraliran Muktazilah tetapi kemudiannya bertaubat dan mengisytiharkan keluar dari mazhab tersebut secara rasmi pada hari Jumaat di Masjid Jami’ Basrah.<sup>20</sup>

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini bahawa Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī memperoleh didikan dari Abū ‘Alī al-Jubbā’ī, bapa tirinya. Dia kekal dalam aliran ini sehingga berumur 40 tahun – dari kelahiran sehingga pengisytiharan taubat.<sup>21</sup> Riwayat- riwayat sejarah menjelaskan bahawa faktor beliau keluar dari aliran Muktazilah adalah kerana mimpi pertemuannya dengan Rasulullah s.a.w di mana baginda s.a.w meminta beliau bangun mendukung dan mempertahankan aliran ahli ḥadīth dan *salaf al-ummah*<sup>22</sup>. Riwayat lain dari al-Subkī pula menggambarkan kisah perdebatannya dengan Abū ‘Alī al-Jubbā’ī mengenai isu mukmin kafir dan kedudukan kanak-kanak. Kesan perdebatan ini telah mempengaruhi kecurigaan dan kurang yakin Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī terhadap pegangan Muktazilah dan akhirnya beliau mengambil keputusan untuk keluar dari aliran tersebut. Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī menyesali sikapnya ketika usia muda yang berpegang kepada aliran Muktazilah, meyakini segala asas pegangannya dan melakukan segala keburukan seperti yang dilakukan oleh kebanyakan pengikut Muktazilah yang lain,<sup>23</sup> bahkan beliau menduduki barisan hadapan kepimpinan aliran ini.

Kemudian beliau telah mengikuti aliran ahli sunnah wal jamaah berpendekatan khalaf atau secara khususnya aliran Abdullah bin Sa‘īd bin Kilāb.<sup>24</sup> Di peringkat

---

<sup>18</sup> Ibnu al Āthīr, Muḥammad (1393), *Jāmi’ al-Usūl fī Aḥādīth al-Rasūl*, J. 11, h. 322.

<sup>19</sup> Abū Ḥasan al-Asy‘arī (1988), *Risālah Ilā Ahl al-Thighār*, h. 39

<sup>20</sup> Ibn al-Nadīm, *al-Fihrist*, h. 257.

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Abū Ḥasan ‘Alī al-Nadwī (1989), *Rijāl al-Fikr wa al-Da‘wah fī al-Islām*, Kuwait : Dār al-Qalām, h. 120.

<sup>23</sup> Ibn Khalikan (t.t.), *Wafayāt al-A‘yān*, j.3, h.385.

<sup>24</sup> Al-Subkī, Abd al-Wahhāb bin ‘Alī (1384 H), *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*, j.2, Kaherah : al-Ḥalabī, h. 299.

ini, Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī bangun mengemukakan kritikan dan penentangannya terhadap aliran Muktazilah sebagaimana yang dijelaskan melalui bukunya, *al-Luma' fī al-Rad 'al- Ahl al Zaigh wa al-Bidā'*. Pada peringkat ini juga, ternyata dengan jelas sokongan beliau kepada mazhab Imām Aḥmad bin Ḥanbal. Pengisytiharan mengikuti pendekatan Imām Aḥmad ini dijelaskan beliau dalam bukunya, *al-Ibānah 'an Uṣūl al-Diyānah*, seperti dalam pendahuluan kitab tersebut. Walaupun begitu, tidak dinyatakan penolakan beliau terhadap mazhab – mazhab ahli sunnah wal jamaah yang berasaskan khalaf sebagaimana pengisytiharan penolakannya terhadap Muktazilah. Oleh itu, sesetengah pengkaji mengklasifikasikan pemikiran beliau kepada dua peringkat sahaja. Di sudut lain pula, adalah tidak jelas tentang status kitab *al-Ibānah* samada ianya adalah kitab yang terakhir berikutan ada pandangan yang menyatakan bahawa kitab *al-Luma'* adalah kitab beliau yang terakhir.

### Metodologi Imām Abū Ḥasan Al-Asy'ari

Merujuk kepada tulisan – tulisan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī memperlihatkan pelbagai metodologi yang digunakannya. Keadaan ini selari dengan sikap dan pendekatan akidah Islamiyyah yang menjadi pegangan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī di beberapa peringkat kehidupannya. Pada peringkat awal, beliau beraliran Muktazilah dan menggunakan pendekatan aliran ini dalam aqidah yang mendahulukan akal ke atas naqal. Di peringkat ini juga beliau muncul sebagai pemimpin aliran Muktazilah kerana kadangkala beliau mewakili bapa tirinya dalam beberapa majlis perdebatan.

Setelah Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī mendapat petunjuk Allah s.w.t dan bertaubat dari pemikiran Muktazilah, beliau mengubah metodologinya daripada mendahulukan aqal ke atas naqal kepada menyepadukan antara al Qur'an dan ḥadīth dan menganalisa keduanya berasaskan rasional akal. Syeikh Abū Zuhrah membuat kesimpulan mengenai pendekatan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī di peringkat ini bahawa Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī berjalan dan menganalisa persoalan dan isu-isu akidah atas pendekatan naqal rasional akal secara bersama. Beliau menerima pernyataan al Qur'an dan ḥadīth mengenai penggambaran sifat-sifat Allah, para rasul, hari akhirat, malaikat, hisab, balasan di akhirat, pahala dan sebagainya. Namun, beliau masih menggunakan dalil dalil akal dan rasionalnya dalam penganalisaan mengenai sifat-sifat Allah s.w.t.<sup>25</sup> Di peringkat ini, dia menulis sebuah kitab berjudul *Istihṣān al-Khawḍi fī al-Kalām*. Melalui kitab ini, beliau dilihat sebagai pengasas kepada ilmu kalam sunni<sup>26</sup> dengan menjelaskan asas penggunaan akal.

### Imām Abū Ḥasan Al-Asy'arī Sebagai Mujaddid

---

<sup>25</sup> Bastamī, Muḥammad Sa'īd (1984), *Maḥmūm Tajdīd al-Dīn*, Kuwait : Dār al-Da'wah, h. 74.

<sup>26</sup> Abū Ḥasan 'Alī al-Nadwī (1989), *Rijāl al Fikr*.

Dalam melihat kedudukan dan sumbangan Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī dalam tajdid, ternyata bahawa beliau melakukan usaha besar dalam memperbaiki penyelewengan atau tasawwur salah dan keperibadian yang menyeleweng di kalangan masyarakat Islam pada zamannya. Usaha besar beliau dalam menghadapi aliran penyelewengan bersifat dalaman dalam masyarakat Islam yang masih kuat menguasai umat Islam. Kemuncak kekuatan Muktazilah adalah pada zaman pemerintahan al-Makmun (170 – 241 H / 786 – 855 M) apabila pergerakan ini mendapat sokongan pemimpin politik pada zaman tersebut.<sup>27</sup>

Setelah kematian al-Makmun, al-Mu‘tasim dan al-Wathiq, pemerintahan bertukar tangan kepada al-Mutawakkil di mana beliau menentang dan mengkritik Muktazilah. Banyak tokoh Muktazilah yang berperanan dalam pemerintahan Abbasiyah telah disingkirkan. Walaupun Muktazilah tidak lagi mendapat sokongan politik, aliran ini masih berpengaruh dalam masyarakat kerana pemikirannya menguasai masyarakat terpelajar dan tokoh-tokoh berpengetahuan dalam masyarakat dan mereka secara berterusan mengembangkannya. Keadaan ini berlaku kerana aliran Muktazilah yang kuat pegangan kepada rasional akal telah menyebabkan ia sebagai aliran yang berasaskan penglihatan yang halus dan terperinci. Kesimpulan pemikirannya dilihat berasaskan pengamatan akademik yang mendalam. Kesannya ini telah menarik perhatian golongan muda terpelajar dalam masyarakat.

Dalam masa yang sama, setelah pemergian Imām Aḥmad bin Ḥanbal, tidak muncul di kalangan fuqahā’ dan ahli ḥadīth yang berperibadi kuat seperti nya. Keadaan ini telah memberi bonus tambahan kepada pendokong Muktazilah dengan menyifatkan golongan fuqahā’ dan ahli ḥadīth sebagai jahil dan tidak berpengetahuan mengenai falsafah dan prinsip-prinsipnya.<sup>28</sup>

Realiti dan suasana tidak seimbang ini telah memberi kesan yang merbahaya kepada agama dan sunnah serta tanggapan umat Islam keseluruhannya. Kerana kalangan ahli falsafah atau mereka yang terpengaruh dengannya mula mentafsir dan menganalisa ayat-ayat al Qur’an dan masalah akidah Islam berasaskan rasional akal dan hawa nafsu mereka dan kemudiannya menjalani kehidupan mengikut keinginan mereka secara bebas. Perkembangan dan suasana seperti ini memperlihatkan keperluan agama Islam dan umatnya kepada tokoh ilmuan dengan peribadi kuat dan pemikiran yang tajam.<sup>29</sup> Dalam keadaan ini, lahirah Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī yang telah mengisytiharkan taubat dan kemudiannya melakukan penentangan terbuka dan kritikan terhadap Muktazilah serta memperbetulkan penyelewengan tasawwur dan keperibadian umat Islam pada zamannya. Melalui peranannya yang besar, Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī diakui

---

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> *Ibid.*



kebanyakan penyelidik sebagai ‘ulamā’ tajdid. Antara asas dan pendekatan tajdidnya dapat disimpulkan seperti berikut :

**a. Tauladan Memenuhi Taubat Akibat Aktiviti Penyelewengan  
Pemikiran**

Dalam memenuhi keperluan bertaubat kerana kesalahan yang dilakukan berkaitan pemikiran, Islam menuntut dan menghendaki pelakunya bukan sekadar memohon keampunan tetapi memperbaiki diri dan menjelaskan aspek penyelewengan yang pernah dikemukakan dalam masyarakat. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan dan petunjuk hidayah sesudah Kami menerangkannya kepada manusia di dalam kitab suci, mereka itu dilaknat Allah s.w.t dan dilaknat oleh sekalian malaikatNya, kecuali mereka yang bertaubat dan memperbaiki serta menerangkan tentang apa yang disembunyikan. Maka orang itu akan diterima taubat mereka. Akulah yang Maha Menerima Taubat lagi Maha Memahami.” Surah al Baqarah (2): 157 – 161.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī pada usia mudanya selama 40 tahun adalah tokoh aliran Muktazilah yang utama, hidup dan mendapat didikan langsung dari salah seorang tokoh utama aliran ini, Abū ‘Alī al-Jubbā’ī. Kepintaran dan kelancaran lidahnya menyebabkan beliau banyak mewakili syekhnya dalam beberapa siri perdebatan. Dalam perdebatan-perdebatan ini memperlihatkan kekuatan hujahnya dalam mematahkan pemikiran-pemikiran musuhnya. Bahkan dalam tempoh itu beliau telah menulis beberapa kitab dan risalah mempertahankan Muktazilah. Kerana itu beliau berada di barisan kepimpinan aliran ini.<sup>30</sup> Dari kedudukan dan peranan besar yang dilakukan oleh Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī dalam usia muda dalam menyebarkan dan mempengaruhi masyarakat dengan pemikiran salah, menyebabkan banyak dari kalangan masyarakat menerima pemikiran Muktazilah dan menghayatinya.

Kemudian seperti yang dinyatakan sebelum ini, beliau telah diberi petunjuk kembali kepada kebenaran. Oleh itu, beliau mengisytiharkan taubat dan menarik segala pernyataan beliau sebelum ini dan seterusnya bekerja keras memperbetulkan masyarakat serta menentang Muktazilah pengisytiharan ini dilakukan di masjid dan dengan suara yang nyaring beliau mengisytiharkan keluar dari aliran Muktazilah dan menarik segala kesimpulannya sebelum ini serta mempertegaskan azam untuk memperbaiki penyelewengan-penyelewengan

---

<sup>30</sup> Ibn ‘Asākir, ‘Alī bin Ḥasan (1374H), *Ta‘yīn Kazb al-Muftarā fī Mā Nusiba ilā al- Imām Abi Ḥasan al-Asy‘arī*, Damsyiq: al-Tawfiq, h.91. lihat juga Al-Subki, (1384 H), *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*, j.3, h. 349.

pemikiran masyarakat hasil tindakan dan kesimpulan-kesimpulan beliau sebelum ini, di samping bertekad menentang aliran Muktaẓilah.<sup>31</sup>

Memang jelas semenjak itu Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī bertukar haluan, beliau menentang habis-habisan Muktaẓilah dan menempatkan lidah dan tulisannya seolah-olah pedang yang sentiasa dihalakan ke arah melemahkan pengaruh Muktaẓilah dan menghalang perkembangan pemikirannya.<sup>32</sup> Walaupun tumpuan penentangan Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī adalah Muktaẓilah, namun beliau tidak lupa ikut memainkan peranan besar menghadapi penyelewengan pemikiran dan keperibadian dari pergerakan lain. al-Baihaqi dalam satu laporannya menyatakan bahawa Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī adalah pemimpin yang menjalankan aktiviti mempertingkatkan agama Allah s.w.t dan berjihad dengan lidah terhadap golongan yang menentang agama Allah s.w.t. Dari sudut lain, segala keterangan yang beliau sampaikan telah dapat mempertingkatkan keyakinan meluas kefahaman masyarakat yang telah yakin terhadap keterangan-keterangan kitab dan sunnah berasaskan pendekatan ahli sunnah wal jamaah dan pandangan yang sah,<sup>33</sup> mengembalikan kesatuan masyarakat Islam atas prinsip kebenaran. Al-Baihaqi menjelaskan tentang realiti agama Allah s.w.t pada masa itu, perkembangan bidaah dan kerosakan yang terlalu ketara apabila kenyataan sahabat, tabi‘in dipertikaikan dan seterusnya mengenai asas agama diperjelaskan secara berlebihan sehingga membawa kepada penyelewengan. Keadaan ini turut dilibatkan puncanya kepada Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī, tetapi beliau telah memperlihatkan contoh yang baik memenuhi prasyarat taubat berkaitan aktiviti salah yang merosakkan pemikiran masyarakat samada melalui media lisan atau tulisan dengan mengambil tanggungjawab bangkit memperbaiki kerosakan pemikiran masyarakat dengan memberi penjelasan yang benar dan tepat serta mengubah keperibadian ke arah perlakuan yang benar dan sah.<sup>34</sup> Satu contoh yang harus diteladani dan diambil iktibar oleh aktivis media ketika mengemukakan laporan dan kesimpulan salah yang mengaburi pandangan masyarakat tentang sesuatu.

Riwayat sejarah menjelaskan bahawa Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī bukan sekadar tokoh ilmuan dan pemikir dengan kajian yang terperinci dan mendalam sehingga menempatkan kadudukan sebagai imam mujtahid, tetapi juga seorang yang kuat beribadat dan dihiasi dengan akhlak dan moral yang tinggi. Aktiviti dan kerja keras beliau dalam pengajaran dan dakwah tidak melemah dan menghalangnya untuk bersungguh dalam ibadat dan menjalankan ketaatan. Kriterianya terhimpun sebagai penyelidik, pengajar, pendakwah, ‘*abid* dan *zāhid*.<sup>35</sup> Aḥmad ‘Alī<sup>36</sup>

---

<sup>31</sup> Ibn ‘Asākir, ‘Alī bin Ḥasan, *Ta‘yīn Kazb al-Muftarā*, h.105.

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> *Ibid.*

<sup>35</sup> Abū Ḥasan ‘Alī al-Nadwī (1989), *Rijāl al-Fikr*, h. 127.

<sup>36</sup> Beliau pernah berkhidmat dengan Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī beberapa tahun di Basrah, kemudian mengikutinya ke Baghdad sehinggalah kematiannya. Ibn ‘Asākir (1346H), *Tabyīn Kadhb al-Muftarī*.

melaporkan bahawa beliau tidak dapat melihat perkara-perkara buruk, lebih malu dalam perkara dunia dan paling aktif dan cergas dalam beribadat. Manakala Abū Ḥasan al-Saruwī pula menjelaskan bahawa perbelanjaan hariannya sekadar 17 dirham sahaja.<sup>37</sup> Dari gambaran ini memperlihatkan keperibadian beliau yang mulia dalam memenuhi aktiviti dakwahnya. Kedudukan ini meletakkan keagungan usaha dakwah dan tajdidnya.

## **b. Usaha Menangani Penyelewengan**

Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī berperanan besar dalam menghapuskan penyelewengan di zamannya. Beliau juga berpengalaman luas dan mendalam tentang terhadap pemikiran pelbagai aliran yang wujud dalam masyarakat Islam zamannya. Tulisan-tulisan yang dihasilkan khusus, *Maqālāt al-Islāmiyyīn* membuktikan kajian dan perhatian mendalam beliau terhadap pelbagai aliran dan pergerakan pemikiran dan kemasyarakatan zamannya. Berdasarkan pengetahuan luas dan mendalam serta penyelidikan dan pengamatan terperinci Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī sudah cukup untuk melayakkan beliau dalam menangani penyelewengan, memperbaiki dan memperbetulkan pemikiran dan keperibadian masyarakat.

Di antara kemelut dan pertarungan aliran yang berlaku adalah dengan gerakan Muktaẓilah yang diasaskan oleh Wāsil bin 'Aṭā'<sup>38</sup>, golongan *mujassimah* dan *karāmiah* yang berpegang kepada pendekatan *lafzī* atau literal<sup>39</sup> dalam menanggapi kemelut dan pertentangan yang lahir pada waktu itu. Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī menggunakan beberapa pendekatan dalam memenuhi peranan ini. Antaranya ialah:

1. Menyertai perdebatan dan perbincangan dengan pemimpin pelbagai aliran menyeleweng seperti Muktaẓilah dan selainnya. Dalam perdebatan dan perbincangan, beliau pada peringkat awalnya mengakui beraliran mereka dan berada di barisan kepimpinan aliran itu, kemudian meninggalkannya hasil penyelidikan dan perbincangan yang berlaku, pengakuan kesilapan tersebut banyak menyedarkan lawannya. Perdebatan dan dialog dengan kepimpinan pelbagai aliran dan gerakan ini kelihatan bahawa Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī berjaya memperlihatkan kelemahan dan kesilapan pemikiran yang menjadi pegangan pergerakan yang menyeleweng. Keadaan telah memberi kemenangan penguasaan kebenaran kembali mendominasi masyarakat Islam pada masa itu. Suatu hakikat lain seperti yang dijelaskan sebelum ini adalah bahawa Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī pada peringkat awal hidupnya

---

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> Wāsil bin 'Aṭā' al-Ghazzāl, Abū Ḥuzayfah (80-131 H/700-748 M) adalah pengasas Muktaẓilah, merupakan seorang ahli *balāghah* dan *mutakallimīn* yang menulis kitab-kitab seperti *Aṣṅaf al-Murji'ah*, *al-Manzilah Bayna al-Manzilatayn* dan selainnya. Lihat al-Zarkafī, *al-I'lām*, j.8, h.109.

<sup>39</sup> Abdul Shukur Husain (1988), *Ahli Sunnah Wal Jamaah : Pemahaman Semula*, Kuala Lumpur : t.p., h. 25.

adalah salah seorang pendokong aliran yang menyeleweng iaitu Muktazilah dan telah meninggalkan aliran tersebut hasil penyelidikan dan perbincangan yang dilakukannya. Perpindahan kedudukan dari kesesatan kepada kebenaran, telah mengubah penggunaan pendekatan mujadalah dan dialognya ke arah objektif Islam yang berasaskan hak dan kebenaran. Dalam al Qur'an terdapat pelbagai lafaz *mujādalāh*, *muhājāh* dan *al-mirā'* yang dapat difahami sebagai perdebatan, perbincangan keji dan dialog. Dari sudut aplikasinya boleh merujuk kepada yang terpuji atau sebaliknya<sup>40</sup> yang perlu dielakkan. Penentuan kedudukannya sama ada sebagai amalan terpuji atau dikeji tertakluk kepada objektifnya sama ada bagi menegakkan kebenaran atau kebatilan dan juga etika dalam mengaplikasikannya. Berasaskan ini Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī dengan peralihannya sebagai kepimpinan ahli sunnah wal jamaah telah mengaplikasikan perdebatan, perbincangan dan dialog berasaskan objektif kebenaran, juga beretika dengan baik. Beliau berjaya mengetengahkan bahawa kalangan pendokong Muktazilah lebih bersikap terbawa-bawa dengan kecenderungan hawa nafsu dan taqlid terhadap pimpinan utama mereka dalam pegangan Muktazilahnya. Keadaan ini kelihatan dengan jelas apabila mereka tidak meletakkan al-Qur'an sebagai sumber rujukan dan pemikiran mereka, bahkan apabila pegangan mereka bercanggah dengan al Qur'an, ia segera ditakwil penyataannya agar bersesuaian dengan kesimpulan akal mereka.

Adalah benar bahawa Islam menuntut umatnya berfikir dan menggunakan akal, bahkan akal adalah asas pertanggungjawaban dan taklif dalam Islam. Namun demikian, akal adalah dari faktor manusia yang tertakluk kepada keterbatasan. Berasaskan ini, mengutakamakan akal hingga ke tahap menyetepikan kitab al Qur'an dan sunnah adalah tidak tepat dan zalim yang akan menyelewengkan Islam Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī berusaha menegakkan kebenaran dengan bukti-bukti al-Qur'an, sunnah dan akal. Dalam satu perdebatannya dengan ramai pemimpin Muktazilah, beliau yang seorang diri mewakili ahli sunnah wal jamaah pada mulanya memberikan laluan kepada lawannya dalam mengemukakan hujah-hujah dan fakta mereka. Kemudian, secara berhemah tinggi dan kelihatan teruja, beliau telah berjaya mematahkan semua hujah lawan satu persatu tanpa meninggalkan kesangsian. Berasaskan kekaguman terhadap kehebatan perbincangan dan dialog tersebut, ketika beliau keluar dari majlis, beliau telah disapa dengan kata-kata:

“Berapa keping lidah yang engkau miliki, berapa pula telinga engkau dan berapa biji mata yang engkau ada sehingga berjaya

---

<sup>40</sup> Terdapat 21 ayat yang menggunakan lafaz *al-Mujādalāh*, 13 ayat dengan lafaz *al-Mahājāh* dan 18 dengan lafaz *al-Mirā'*. Lihat 'Alī Gharīshah (1991), *Ādāb al- Ḥiwār wa al-Munāzarah*, Mesir: t.p., h.28.

memberi jawapan yang jelas dan tepat terhadap semua persoalan yang dibangkitkan.”

Pernyataan ini membuatkan Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī tersenyum dan memberi penegasan bahawa apabila berhadapan dengan kenyataan yang tidak seharusnya mengenai Islam, maka menjadi kewajipan untuk menolaknya berasaskan apa yang Allah fardukan dalam menegakkan kebenaran dan ia pastinya memperolehi kekuatan dan pertolongan dari Allah s.w.t. Al-Bāhili menyifatkan ketokohan beliau sebagai pemimpin dari pimpinan ilmu kalam, kedudukan yang amat tinggi sehingga tidak dapat disaingi dan diibaratkan dirinya sebagai lautan dan setitis air hanyalah ‘ulamā’ lain. Antara dialog agungnya ialah yang dialog di antara beliau dengan Abū ‘Alī al-Jubbā’ī tentang isu kanak-kanak dari keluarga kafir yang meninggal di usia kecil dan isu menghormati kemaslahatan untuknya hingga waktu taklif. Dalam dialog ini kelihatan sikap teragak-agak untuk memberi penegasan yang meyakinkan oleh Abū ‘Alī al-Jubbā’ī. Keadaan yang memperlihatkan kelemahan Abū ‘Alī al-Jubbā’ī dan keunggulan dan kebenaran Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī.<sup>41</sup>

Menyentuh keberkesanan dialog dan perdebatannya terhadap golongan Muktazilah, ahli sejarah menyifatkan bahawa kedudukan Muktazilah pada masa tersebut dalam era keruntuhan. Melalui sikap dan aplikasi yang diperlihatkan dalam meletak dan mempertahankan sunnah dan memberi laluan kecemerlangan agama telah melayakkannya dikira sebagai mujaddid agung.<sup>42</sup>

2. Selain pendekatan perdebatan dan dialog berpaksikan kebenaran menjadi senjata utama Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī dalam mempertahankan kebenaran, beliau dilihat turut ikut menggunakan pendekatan persuratan dan penulisan dalam membudayakan penghayatan kebenaran dan kebaikan. Firman Allah dalam 5 ayat pertama surah *al-‘Alaq* yang merupakan wahyu pertama yang diturunkan Allah kepada junjungan besar Nabi Muḥammad s.a.w adalah mengisyaratkan kepentingan dan keperluan umat Islam untuk membuat pembacaan dan penyelidikan kepada ayat-ayat Allah samada dari kitab yang disediakan ; atau dalam alam yang luas ini di samping keperluan menulis atau mendokumentasikan kesimpulan pembacaan dan penyelidikan berasaskan pendekatan sepadu antara penemuan penyelidikan

---

<sup>41</sup> Contoh perbincangan ialah apabila beliau berdepan dengan Abū ‘Alī al-Jubbā’ī dalam membincangkan isu kanak-kanak dari keluarga kafir yang mati sebelum usia mukallaf, adakah dia tergolong sebagai ahli al darakat yang akan ke neraka atau ahli *al-Najāh* (kanak-kanak Muslim sebelum mukallaf) yang layak masuk syurga kerana hormat kemaslahatan mereka sehingga usia taklif. Dalam isu kanak-kanak kafir sebelum mukallaf apakah diabaikan masalahnya dan diabaikan sudut fitrahnya. Sikap teragak-agak al-Jubbā’ī memberi jawapan menandakan ketewasan pemimpin Muktazilah tersebut dalam mengemukakan hujah kerana mereka tiada pengetahuan lain selain takwilan yang tiada ketentuan syariah. Abū Zahrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*.

<sup>42</sup> *Ibid*.

pada alam ini dengan penemuan kesimpulan dari pembacaan kepada kitab Allah. Malahan panduan pembacaan, penyelidikan dan usaha pendokumentasian menjadikan kesimpulan-kesimpulan baik yang diperolehi dan ditemui dapat terus berkesinambungan dapat dimanfaatkan oleh umat manusia seluruhnya dan umat Islam di semua zaman khususnya dalam usaha-usaha dan aktiviti tajdid.

Isyarat dari tuntutan Allah ke arah pembacaan dan penyelidikan ini jelas telah diaplikasi dan menjadi amalan para 'ulamā' mujaddid. Imām al-Syafie (m.204 H/814 M) mewakili kurun kedua hijrah kerana peranan besarnya mendisiplinkan ilmu *usūl fiqh* dan memerangi gerakan anti ḥadīth pada zaman tersebut sehingga digelar *Naṣir al-Sunnah*, telah menggunakan mata pena dan persuratan dalam memenuhi peranan tajdidnya dengan kitab risalah *Jima' al-'Ilm* bagi manolak kepalsuan alasan yang dikemukakan pendokong anti ḥadīth, risalah *Taṣṣīḥ al-Nubuwwah wa al-Rad 'alā Ahl al-Ahwā* bagi menolak kebatilan ajaran berasaskan brahmanisme dan ahli ahwa.<sup>43</sup>

Manakala Imām Aḥmad bin Ḥanbal (m.241H / 855 M) menulis kitab risalah Ahl Sunnah Wal Jamaah bagi mengajak majoriti umat bersatu memperkukuhkan jemaah umat Islam dalam menghadapi serangan pemikiran dari pelbagai gerakan yang menyeleweng. Melalui risalahnya ini beliau dilihat telah memasyhurkan konsep dan pergerakan ahli sunnah wal jamaah dalam masyarakat Islam. Di samping itu, Imām Aḥmad juga dikatakan telah menulis risalah yang dinamakan *al Rad 'alā al-Zanādiqah wa al-Jahmiyyah* bagi menolak pendustaan golongan zindiq dan pengikut Jahm bin Ṣafwān di samping mengembalikan kemurnian aqidah majoriti umat Islam.<sup>44</sup>

Berasaskan ini, Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī turut menggunakan lapangan persuratan dalam mengembalikan kemurnian aqidah dan pemikiran kepada landasan pemikiran dan keperibadian yang benar dan diredhai Allah. Antara tulisan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī yang terpenting ialah kitab *al-Fusūl fī al-Rad 'alā al-Mulḥidīn wa al-Khārijīn 'an Millah, al-Luma' fī al-Rad 'alā Ahl al-Zayqah wa al-Bidā', Maqālāt al-Islāmiyyīn, al-Ibānah 'an Usūl al-Diyānah* dan selainnya. Jika dirujuk kepada himpunan tulisannya yang melebihi 300 buah kitab mengikut riwayat al-Zarkālī atau 55 buah kitab mengikut riwayat Ibn Ḥazm, jelas memperlihatkan hampir keseluruhannya menolak penyelewengan, kekeliruan dan ketidakbenaran pandangan pelbagai aliran seperti Jahmiah, Muktaẓilah dan selainnya. Bahkan terdapat juga tulisan beliau dalam menolak ketidakbenaran agama-agama selain Islam. Di samping itu, beliau juga menulis kitab tafsir yang

---

<sup>43</sup> Abdul Shukur Husain (1988), *Ahli Sunnah Wal Jamaah*, h. 23.

<sup>44</sup> *Ibid.*

bermaksud menjelaskan hakikat sebenar pengertian ayat-ayat yang dianalisa secara salah oleh aliran Muktazilah dan selainnya yang diberi judul *Tafsīr al-Qur'ān*. Kitab tafsir ini cuba menjelaskan kesalahan tafsiran Abū 'Alī al-Jubbā'ī dan al-Balkhī dalam beberapa isu.

Di samping perdebatan dan penulisan, sumbangan lain yang dilakukan dalam menjayakan usaha memerangi penyelewengan adalah pengajaran. Melalui madrasah pengajaran beliau telah dapat melahirkan ramai generasi baru dalam meluaskan dan memanjangkan lagi usaha selanjutnya dalam menghapuskan penyelewengan bagi zaman-zaman berikutnya dan untuk lain-lain wilayah Islam. Ternyata bahawa madrasah beliau telah berjaya melahirkan ilmuan yang ramai dan meneruskan kesinambungan perjuangan dan jihad beliau. Tokoh-tokoh seperti al-Qāḍī Abū Bakr Muḥammad bin al-Taib al-Baqilānī dan Abū Ishāq Ibrāhīm bin Muḥammad al-Isfiraynī adalah antara pelajar beliau yang utama.

### **c. Mengasaskan Ilmu Kalam Sunni**

Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī berkedudukan utama dalam memerangi penyelewengan. Pendekatan yang digunakan beliau dalam aktiviti ini ialah kemampuan beliau memanfaatkan senjata yang digunakan penyebar-penyebar penyelewengan sebagai senjata menyerang balas iaitu melalui senjata ilmu kalam. Kalangan pimpinan Muktazilah menggunakan ilmu kalam sebagai penegak pemikiran aqidah mereka mempengaruhi pemikiran masyarakat, oleh itu Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī telah menggunakan senjata yang sama bagi menolak kesimpulan mereka. Keadaan ini tidak sukar bagi Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī kerana beliau sendiri pada peringkat awal adalah antara pemimpin aliran Muktazilah. Dari sudut lain, ilmu kalam diasaskan kepada hujah-hujah rasional akal. Dalam kenyataan al-Qur'an terdapat sejumlah ayat yang tidak sedikit yang menghujahkan sesuatu berdasarkan akal. Dalam hubungan ini Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī menggunakan dan menganalisa ayat-ayat seperti ini berasaskan rasional akal bagi menolak kebatilan pemikiran Muktazilah. Melalui pendekatan ini, Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī dapat dikira sebagai pengasas kepada ilmu kalam sunni. Beliau tidak sekadar memperlihatkan ilmu kalam sunni melalui contoh-contoh perdebatan yang disertainya, bahkan beliau menulis buku sebagai panduan kepada generasi akan datang berhubung ilmu kalam sunni, iaitu kitab *Istihṣān al-Khawḍī fī al-Kalām*.<sup>45</sup>

Ilmu kalam dari sudut sejarah awalnya adalah ilmu perdebatan yang tumbuh dan berkembang di kalangan beberapa aliran dan mazhab menyeleweng untuk mempertahankan pemikiran mereka. Khawarij dan Muktazilah dikenali sebagai aliran yang banyak menggunakan perdebatan ini. Ilmu kalam dapat dikira sebagai senjata pemikiran aliran-aliran ini bagi mempertegas rasional dan kebenaran

---

<sup>45</sup> Bastamī, Muḥammad Sa'īd (1984), *Maḥmūd Tajdīd al-Dīn*, h.72.

kesimpulan pemikiran mereka. Al-Baihaqī memetik kesimpulan Imām al-Syafī'e mengenai ilmu kalam semenjak era klasik, ilmu kalam dikenali oleh golongan yang lebih banyak mengikut hawa nafsu. Keadaan ini berbeza dengan 'ulamā' salaf yang mengasaskan pegangan akidah mereka berasaskan pernyataan al-Qur'an dan sunnah. Ulama salaf tidak menyukai penggunaan rasional akal semata, kerana memberi natijah yang membawa masyarakat menyeleweng dari landasan kebenaran. Al-Baihaqī menjelaskan mengenai landasan pegangan ahli sunnah wal jamaah didasarkan kepada wahyu dan sunnah, bukan ilmu kalam.<sup>46</sup>

Berikutan meluas dan berkembangnya tasawwur dan keperibadian yang menyeleweng di kalangan masyarakat akibat dari penggunaan ilmu kalam oleh Muktazilah, para 'ulamā' Islam mengambil tanggungjawab besar bagi menegakkan makruf dan mencegah mungkar dalam usaha menangani perkembangan ini, mereka ikut mengguna analisa berasaskan rasional akal terhadap pernyataan al-Qur'an. Pendekatan ini seolah-olah menggunakan pendekatan golongan menyeleweng itu dengan tujuan menolak penyelewengan kesimpulan mereka. Antara 'ulamā' ahli sunnah wal jamaah yang memulakan pendekatan baru ini ialah Abdullah bin Sa'īd al-Kalbī, Abū al-'Abbās al-Kalāmī dan al-Hārith bin Asad al-Muḥāsibī.<sup>47</sup> Pendekatan yang lebih baik melalui Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī yang terbukti melalui perdebatan yang disertainya bagi menghadapi pemimpin Muktazilah dan melalui banyak tulisan-tulisan beliau. Bahkan dalam salah satu penulisannya, beliau menegaskan bahawa objektif kepada penggunaan ilmu kalam bukan bermaksud menentukan asas akidah Islam kepada kaedah ilmu kalam, kerana aqidah tetap diasaskan kepada pernyataan wahyu al Qur'an, al sunnah dan sirah nabi, tetapi kaedah kalam digunakan dengan maksud menentang dan menolak kebenaran kesimpulan sesat dan menyeleweng mereka. Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī sebenarnya menggunakan ilmu kalam dalam mengkritik dan menolak hujah aliran ilmu kalam menyeleweng yang dianggap mereka konon sebagai rasional bagi menjelas melalui kaedah ilmu kalam juga sebagai tidak rasional.<sup>48</sup>

Keadaan dan pendekatan seperti ini melalui beberapa ayat al Qur'an juga memperlihatkan menggunakan kaedah dan pendekatan yang hampir sama. Bagi tujuan panduan menggunakan pendekatan berasaskan kaedah ini, Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī menulis risalah yang diberi nama *Istihṣān al-Khawḍī fī al-Kalām* tersebut. Beliau mengasas ilmu kalam sunni berobjektifkan menolak penyelewengan mazhab dan aliran sesat dan menyesatkan. Melalui pendekatan baru ini, beliau berjaya membetulkan dan menghalang perkembangan dan perluasan aliran-aliran tersebut.

---

<sup>46</sup> Al-Bayhaqī, *Manāqib al-Shāfi'ī*, h. 462.

<sup>47</sup> Al-Shahrastānī (1961), *al Milal wa al-Nihal*, Cairo: Muṣṭafā al-Ḥalabī, h.32.

<sup>48</sup> Al-Safārīnī, Muḥammad bin Aḥmad (1380 H), *Lawāmi' al-Anwār al-Bāhiyah wa Sawāti' al-Āthār al-Āthāriyyah li Sharḥ al-Durraṭ al-Māniyah fī 'Aqd al-Firqaḥ al-Marḍiah*, Jeddah: Dār al-Asfihānī, h.5.



Pendekatan ini kemudiannya telah digunakan oleh generasi selanjutnya dalam menolak kebatilan. Pendekatan baru ini telah meletakkan beliau sebagai tokoh besar yang mengambil pendekatan pertengahan antara Muktazilah dan muhaddisin. Beliau menolak penggunaan metodologi ilmu kalam sehingga ke peringkat menggunakan prinsip mentakwil pernyataan dikira tidak rasional pada pertimbangan akal mereka. Walaubagaimanapun berkesimpulan bahawa agama dan akidah yang benar selari dengan rasional akal dan rasional akal yang sah dan benar ialah mendokong agama dan akidah yang sah. Tidak berlaku perselisihan dan pertentangan antara keduanya jika berlaku sebaliknya ternyata rasional akal itu sebagai yang tidak sah dan mesti ditolak.

Hakikat politik dan pertentangan kelihatan dalam masyarakat Islam mengenai isu akidah antara 'ulamā' salaf dan tokoh gerakan seperti jahmiah yang berobjektif menyesatkan akidah dan pemikiran masyarakat dengan asas takwilan kepada kenyataan al-Qur'an dan sunnah secara salah seperti yang banyak diperkatakan oleh Imām Aḥmad ibn Ḥanbal dalam risalahnya *al-Radd 'alā al-Zanādiqah wa al-Jahmiyyah* sebagai contoh dalam kenyataan dari ayat 56 surah al-Nisā' (4) yang bermaksud ;

“Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar kepada ayat-ayat keterangan Kami, Kami akan bakar mereka dalam api neraka. Setiap kulit mereka masak hangus, Kami gantikan mereka kulit lain supaya mereka merasa azab sengsara itu”.

Surah al Nisā' (4) : 56

Dalam kenyataan ayat ini, kalangan pemimpin jahmiah mempertikai keadilan dalam pembalansannya kerana masih menyiksa kulit gantian dengan bakaran api neraka sedangkan kulit gantian itu tidak melakukan kesalahan dan dosa. Menjawab pandangan dan kekeliruan yang cuba disebar oleh gerakan pentakwilan yang salah itu, Imām Aḥmad bin Ḥanbal membawa pemahaman ayat tersebut berasaskan kontekstual bahawa pembalasan itu adalah pelakunya dan yang dimaksudkan kulit gantian itu adalah pembaharuan kulit yang sebelum ini melakukan dosa.<sup>49</sup> Dari penjelasan Imām Aḥmad ini, ia telah menggunakan pendekatan berunsur takwil secara sah bagi maksud menolak takwilan yang salah dan menyimpang. Berasaskan kefahaman bahawa kenyataan al-Qur'an dan sunnah terdapat yang berbentuk khas dan terdapat yang lain berbentuk umum yang tidak dapat menyelami pengertian sebenarnya kecuali kalangan 'ulamā'.

Kalangan 'ulamā' Islam mewakili ahli sunnah wa al jamaah iaitu kalangan 'ulamā'' yang membawa masyarakat kepada keterikatan dengan kenyataan wahyu bagi maksud kesatuan ummah, samada berasaskan pendekatan salaf atau khalaf, dalam reaksi dan penjelasan kepada takwilan salah dan menyesatkan telah mengajak umat Islam dalam kefahaman terhadap ayat tanpa pemikiran lain

---

<sup>49</sup> Aḥmad ibn Ḥanbal (1971), *al-Radd 'alā al-Zanādiqah wa al-Jahmiah*, Mesir: t.p., h.59

mendahului, samada aliran pemikiran mazhab yang sedia wujud atau dikenalnya kerana pendekatan seperti itu akan mengalih kefahaman yang sebenar. Apa yang seharusnya menjadi sandaran pegangan adalah memberi keutamaan terhadap realiti kenyataan ayat itu dari sudut bahasa dan kontekstualnya atau dengan bantuan kenyataan-kenyataan ayat lain atau pelbagai kaedah dan metodologi pentafsiran ayat-ayat yang diakui di kalangan ‘ulamā’ mufasssirin. Hakikat inilah yang dilakukan dan diaplikasikan oleh Abū Ḥasan al-Asy‘arī dalam tulisan dan dialognya. Dalam risalah *Istihṣān al-Khawḍī fī al-Kalām*<sup>50</sup> Abū Ḥasan al-Asy‘arī mengemukakan beberapa contoh-contoh kenyataan ayat-ayat yang memperlihatkan fakta-fakta rasional akal terhadap isu-isu tauhid seperti keesaan Allah tidak dilihat sebagai anggota kerana ia menyalahi kenyataan lain yang mensifatkan Allah tidak menyerupai makhluk tetapi dilihat tangan sebagai isyarat kepada sifat Allah seperti mendengar, melihat dan lain-lain.<sup>51</sup>

Mengambil iktibar dari apa yang disumbangkan oleh Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī dan ‘ulamā’-’ulamā’ Islam sepanjang sejarah yang berkesimpulan bahawa membuat tanggapan dan kesimpulan mengenai Islam atau kenyataan sumber pemikiran utamanya iaitu pernyataan al-Qur’an dan al-Sunnah berasaskan tasawur pemikiran lain yang ada dalam pemikirannya akan mengakibatkan pengubahan tasawur sebenar pemikiran Islam atau kefahaman sebenar kenyataan sumber-sumber Islam seperti yang berlaku kepada gerakan Zanadiqah, Jahamiah dan Muktaẓilah. Maka demikian akan membawa kepada kesalahan tasawur dan tahrif kepada hakikat Islam bagi penggerak kepada aliran seperti modenisme, liberalisme, dan pluralisme mutakhir yang mengaplikasikan metodologi asing dalam kefahaman Islam khasnya dan sumber hukum pemikirannya. Perkembangan seperti ini seharusnya diberi perhatian oleh para pendakwah semasa kerana pergerakan menyimpang dan menyesatkan ini seperti dalam sejarah di era Aḥmad Ibn Ḥanbal, Abū Ḥasan al-Asy‘arī, al-Ghazālī dan lain-lain boleh membuat atau mengusaha ikatan kerjasama dengan kuasa politik, kemasyarakatan dan intelektual seperti pada aliran Muktaẓilah dan lain-lain, yang mengakibatkan persoalan bertambah sukar.

#### **d. Memperkenalkan Pendekatan Pendidikan Akidah Uluhiyah Melalui Klasifikasi Sifat Nafsiah, Sifat Salbiah Dan Sifat Ma’aniah**

Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī juga adalah ‘ulamā’ Islam yang memperkenalkan pendidikan akidah uluhiyah (sifat-sifat Allah) melalui 13 sifat yang diklasifikasikan kepada sifat nafsiah, sifat salbiah dan sifat ma’aniah. Dari klasifikasi sifat-sifat Allah yang diperkenalkan ini Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī ini kemudiannya telah ditambah 7 sifat lagi oleh Imām Abū Maṣṣūr al-Mātūrīdī. Kumpulan 7 sifat baru ini telah dikenali sebagai kumpulan sifat al-ma’nawiyah.

---

<sup>50</sup> Risalah *Istihṣān al-Khawḍī fī al-Kalām* telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu dan diterbitkan dalam jurnal Afkar, bil. 4, Mei 2003.

<sup>51</sup> Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, h.166.

Dari gabungan 13 sifat-sifat Allah yang diperkenalkan oleh Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī dan 7 sifat-sifat al-ma'nawiyah yang diperkenalkan oleh Imām Abū Maṣṣūr al-Mātūrīdī telah meletakkan umat Islam mengamalkannya sebagai asas pendidikan akidah generasi muda dan masyarakat untuk satu tempoh yang panjang dan berkekalan di amalkan di Malaysia hinggalah ke waktu ini.

Umat Islam kemudiannya diperkenalkan dengan pendekatan baru mengenai sifat-sifat Allah apabila Ibn Taimiyyah menginovasikan nama-nama Allah, yang dituntut supaya amalan doa hamba mempergunakannya dalam doa mereka telah dilihat mengisyaratkan sebagai sifat-sifat Allah. Asas yang dilihat Ibn Taimiyyah ini tidak boleh dinafikan ada kebenarannya, walaubagaimanapun dari sudut praktikalnya cadangan baru Ibn Taimiyyah menjadikan nama-nama Allah sebagai sifat-sifat Allah untuk tujuan pendidikan akidah Uluhiyah, tidak melemahkan penerimaan ilmuan Islam terhadap amalan yang diperkenalkan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī dan Imām Abū Maṣṣūr al-Mātūrīdī yang membudaiyahi pendidikan akidah masyarakat Islam. Berasaskan pendekatan diperkenalkan Ibn Taimiyyah hanya diamalkan sebahagian umat Islam untuk beberapa zaman hidupnya sahaja.

Keunggulan pendekatan pendidikan akidah berasaskan konsep sifat 20 begitu kukuh menguasai umat Islam kerana ia diperkukuhkan dengan konsep dan asas pendalilan bersepadu menggunakan dalil-dalil al Qur'an dan sunnah di samping dalil-dalil rasional akal. Aspek ini hingga ini belum dipenuhi secara sempurna dalam sifat Allah berasaskan nama-nama Allah. Kelemahan ini perlu dipenuhi 'ulamā' semasa pendukung aliran yang diperkenalkan Ibn Taimiyyah. Jika tidak, ilmuan dan masyarakat Islam akan terus kekal beramal dengan konsep pendidikan akidah berasaskan konsep sifat 20 seperti yang diperkenalkan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī.

Di sudut lain, keunggulan pendekatan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī dalam konsep pendidikan akidah uluhiyahnya mungkin ikut diperteguhkan kerana pengiktirafan banyak ilmuan Islam terhadap kedudukan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī sebagai 'ulamā' mujaddid. Keadaan ini menjadikan para ilmuan dan masyarakat Islam tidak teragak-agak melihat pendekatan yang dikemukakan oleh Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī lebih menepati Islam yang sebenar berbanding pendekatan lain.

### **'Ulamā' Al-Asyā'irah dan Pengaruhnya di Dunia Islam**

Melalui madrasah Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī, lahir 'ulamā' besar yang memainkan peranan luas di dunia Islam ini menyebabkan dunia Islam seluruhnya di Asia, Afrika dan selainnya tersebar pemikiran beliau untuk beberapa tahun. Pada kurun kelima, muncul 'ulamā' besar yang melanjutkan dan memperluaskan penyebaran pemikiran beliau seperti al-Qadi Abū Bakr al-Baqilānī, Syekh Abū Ishāq al-Syirāzī, Imām Abū al-Ma'ālī, Abd al-Malik al-Junainī dan selainnya.

Pada masa pemerintahan Abd al-Salām al-Saljūk dan dalam kementerian Nizām al-Mulk, Imām al-Ḥaramain al-Tūsī telah mejadi ‘ulamā’ besar merangkap penasihat agama kepada pemerintah. Pemerintah telah mengisytiharkan aliran al-Asy‘arī sebagai mazhab akidah negara. Nizām al-Mulk juga mengasaskan Madrasah al-Nizāmiah di Baghdad dan menggunakan dana wakaf untuk memajukan sistem pendidikan negara dan banyak tokoh ‘ulamā’ didikan Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī yang berkhidmat di situ seperti Imām al-Ghazālī. Melalui madrasah ini telah melahirkan ramai tokoh ‘ulamā’ yang kemudiannya memberi sumbangan di pelusuk dunia Islam.

### **Kematian Imām Abū Ḥasan Al-Asy‘arī dan Kesimpulan Penilaian**

Beliau meninggal pada 324 H di Baghdad. Ibn Khallikan melaporkan bahawa masyarakat menyifatkan sebagai pemberi kebenaran kepada penguasaan sunnah peranan tajdidnya ialah mengembalikan peranan wahyu mengatasi rasional akal, dalam konteks tidak pula menafikan kedudukan dalam memperteguhkan wahyu dan sunnah.

Sebagai kesimpulan, nyata bahawa Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī mensepadukan sebagai asas pendalilan asas akidah Islam kepada naqal dan akal. Melaluinya beliau menegaskan pernyataan al Qur’an dan sunnah berkaitan persoalan sifat-sifat Allah, kerasulan, hari kebangkitan, malaikat, hisab Allah, pembalasan Allah terhadap perlakuan manusia di dunia baik atau buruk. Di sudut lain, Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī menggunakan dalil rasional akal dan fakta serta asas mantik bagi mempertegas dan mengesahkan kebenaran kenyataan-kenyataan al-Qur’an dan sunnah dari sudut rasional akal setelah terlebih dahulu menerima kebenaran apa-apa yang diiltizamkan oleh naql. Berasaskan ini beliau tidak sama sekali mempergunakan rasional akal sebagai hakim terhadap nas untuk dengan mudah mentakwilkan secara salah atau sebalik beriltizam sewenang kepada pengertian zahirnya tetapi sebaliknya beliau menjadikan akal dan rasionalnya sebagai pembantu memahami zahir ayat dan memperkukuh dan memasyarakatkan pemahaman itu.<sup>52</sup>

Hakikatnya jika kita merenung kepada sejarah mengenai perbahasan isu akidah dan pemikiran dalam masyarakat Islam peringkat awal terdapat dua tokoh utama yang mempelopori pendekatan seperti ini, mereka adalah Muḥammad bin Muḥammad bin Maḥmūd yang dikenali sebagai Abū Mansūr al-Mātūrīdī (m. 333 H / 944 M)<sup>53</sup>, beliau telah mendapat pendidikan dari madrasah *ahl al-ra’yī* Imām Abū Ḥanīfah (m.150 H / 767 M) dan seorang lagi ialah Imām Abū Ḥasan al-Asy‘arī yang memperoleh pendidikan dari madrasah Muktaẓilah berkaitan

---

<sup>52</sup> *Ibid.*

<sup>53</sup> Beliau dilahirkan di daerah Mātūrīd, di Samarqand, Asia Tengah. Beliau dikatakan memperoleh ilmu fiqh mazhab Ḥanafī dan ilmu kalam dari ‘Alī Naṣr bin Yahyā al-Balkīnī (268 H / 881 M). Di Samarqand adalah kawasan yang memperlihatkan perdebatan mengenainya muncul di masjid beliau. Abū Zahrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyah*, h.73.

perbahasan isu falsafah dan logik akal, namun demikian beliau telah membawa pendekatan tersendiri yang dapat dirumuskan seperti berikut ;

- a. Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī keluar dari Muktaẓilah di mana beliau memperoleh pemikiran dari kalangan pemimpinnya. Kemudian Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī memperguna cara mereka dalam pendalilan terhadap asas akidah penjelasan al-Qur'an dengan tidak sama sekali mengguna cara mereka dalam memahami nas-nas al Qur'an dan sunnah dalam mana asas dan pendekatan mereka logik dan falsafah.
- b. Tidak sekadar itu, bahkan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī bangkit menolak dan mengkritik Muktaẓilah. Bagi maksud itu, beliau mengaplikasi pengucapan dan mengikut pendekatan dalam pendalilan akal untuk mencapai kejayaan ke atas mereka, memotong dan menolak keraguan dan kekeliruan mereka atau menggunakan senjata yang ada pada mereka untuk menolak hujah kekeliruan mereka. Sesuatu yang tidak dapat dilakukan oleh ahli ḥadīth dan *fuqahā'* sebelumnya.
- c. Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī ikut bangkit menolak dan mengkritik aliran pemikiran lain berasaskan falsafah seperti Qaramithah, gerakan batiniyah dan selainnya kebanyakan aliran pemikiran aliran ini hanya mengguna asas falsafah dan dalil akal sahaja sedangkan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī menggabungkan alasan kitab dan analisis akal secara bersama. Pada kedudukan ini memperlihatkan kelebihan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī ke atasnya.

Hakikat nyata bahawa berlaku kesepakatan antara aliran pemikiran mazhab al-Asy'arī dengan kalangan pemikiran *fuqahā'* dan muhaddisin dalam aspek yang menjadi pertentangan di antara mereka dengan aliran Muktaẓilah melibatkan isu-isu bercanggah dengan kenyataan nas, dengan para *fuqahā'* dan muhaddisin mengambil zahir nas secara mutlak tanpa laluan kepada penganalisan rasional akal sedangkan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī mensepadukan pegangan antara zahir nas dan penganalisan akal, tetapi dalam asas dan kontek mengelak dan menjauhkan diri dari takwilan berasaskan ahli ahwa yang diwakili oleh pelbagai aliran yang menyesatkan. Dilihat dari sudut ini pada asas aliran pegangan dan pendekatan yang diketengahkan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī sebagai pemikiran dan ideologi pertengahan / wasatiah di antara dua yang sedikit melampau atau antara yang menolak sama sekali penggunaan rasional akal dengan aliran yang memberi laluan seluas-luasnya tanpa batas kepada penggunaan rasional akal. Di samping beliau bangkit menjadi pengimbang dan pertengahan di antara kumpulan yang bertentangan dari kumpulan Muktaẓilah, al-Hasyāwiah, al-Jabbāriah dan selainnya. Bagi pengamat kepada kehidupan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī dan pengkaji tulisan dan dialognya nyata memperlihatkan beliau memilih mazhab pertengahan dengan mengelak dari paradigma dan pemikiran melampau walau dalam apa bentuk pelampau. Kitabnya *Maqālāt al-Islāmiyyīn* membuktikan pengamatan teliti beliau kepada kesimpulan dan paradigma *firāq – firāq* Islam di mana beliau mengambil pendekatan yang amat teliti dalam pemindahan pelbagai

kesimpulan. Beliau mengambil pendekatan pertengahan mengenai pemikiran falsafah dalam isu-isu yang mempunyai hubungan dengan kenyataan al-Qur'an, walaupun kesimpulan memperlihatkan keselarian dengan pandangan pada sesetengah fuqahā' dalam perkara yang mendapat kenyataan al-Qur'an dan sunnah, namun tidak memperlihat kesulitan dan kegawatannya untuk menenteng kesimpulan pertengahan pada setiap pemikirannya.<sup>54</sup> Pendekatan pertengahan yang diketengahkan ini adalah sebagai mengaplikasikan tuntutan Allah agar umat Islam menjadi umat pertengahan seperti maksud firman Allah dalam surah al-Baqarah (2) : 143.

“Dan demikianlah Kami jadikan kamu satu umat *wasat* (pertengahan, pilihan lagi adil) supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia dan Rasulullah pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu”.

Pada kedudukan yang berasaskan pendekatan sederhana dan pertengahan ini terletak keistimewaan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī dan melayakkan beliau sebagai 'ulamā' mujaddid.

---

<sup>54</sup> Membukti kesederhanaan dan pertengahan atau *wasat* pemikiran Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī, dapat diperhatikan pada beberapa kesimpulan berkaitan isu-isu yang menjadi polemik zamannya seperti dalam isu pelaku dosa besar, walau beriman dan mentaati Allah tetapi tidak bertaubat dilihat oleh aliran Muktazilah akan kekal di neraka. Manakala aliran al-Murji'ah tidak memudaratkan oleh dosa besar selama dia ikhlas kepada Allah. Bagi Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī adalah di pertengahan bahawa orang fasik tertakluk kehendak Allah sama ada memaafkan dan dibalas syurga atau dimasukkan ke neraka. Dalam isu kedudukan al Qur'an, Muktazilah berkesimpulan sebagai makhluk dan baru. Manakala al-Hasyawiyah bahawa huruf, bentuk penulisan dan rupanya semuanya sebagai bukan makhluk. Manakala Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī berada di pertengahan bahawa al Qur'an sebagai kalam Allah yang tidak berubah, bukan makhluk, bukan baru dan bukan rekaan, manakala bentuk, warna dan suara adalah makhluk. Manakala dalam isu kuasa Allah dan perbuatan hamba kelihatan Muktazilah berkesimpulan hamba mencipta perbuatan berasaskan kekuatan yang diberi Allah. Manakala al Jabariyyah pula berpendapat manusia tiada kuasa kedudukan seperti bulu-bulu yang diterbangkan angin. Sedangkan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī berkesimpulan di pertengahan dengan melihat manusia tidak berkuasa mengadakan sesuatu tetapi manusia berkemampuan berusaha. Manakala dalam isu sifat Allah, Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī di pertengahan antara al-Jahmiah, al-Hasyawiyah dan al-Mujassimah kerana al-Jahmiah memperakui sifat *wujūd, qidām, baqā'* dan *wahdāniah* sahaja dan menolak selainnya. Manakala al-hasyawiyah dan mujassimah menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk. Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī berbeza di pertengahan dengan memperakui semua sifat Allah yang dijelaskan dalam al-Qur'an dan sunnah tetapi sifat Allah itu berbeza dari sifat makhluk. Lihat penjelasan Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī mengenainya dalam pelbagai tulisannya atau ringkasan kepadanya dalam Abū Zahrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, h.166

## **Bibliografi**

- Abdul Shukur Husain (1988), *Ahli Sunnah Wal Jamaah : Pemahaman Semula*, Kuala Lumpur : t.p.
- Aḥmad Amīn (1978), *Fajr al-Islām*, Kaherah: al-Nahḍah al-Islāmiyah.
- Aḥmad ibn Ḥanbal (1971), *al-Radd 'alā al-Zanādiqah wa al-Jahmiah*, Mesir: t.p.
- Al Zarkalī, Khayr al-Dīn (1389H), *al A'lām*, Beirut.
- Al-Asy'ari, Abū Ḥasan (1988), *Risālah Ilā Ahl al-Thighār*, Abdullah Shākīr Muḥammad al-Junaydī (pnyt.), Beirut.
- al-Baghdādī, (t.t), *Tārīkh Baghdād*, Beirut: al-Kutub al Islāmiyah, J. 10.
- 'Alī Gharishah (1991), *Adāb al- Ḥiwar wa al-Munazarah*, Mesir: t.p.
- Al-Khatīb al-Baghdadī, Abū Bakar Aḥmad bin 'Alī, (t.t), *Tārīkh Baghdād Aw Madīnah al-Salām*, J. 11, Beirut: Dār al Kitāb al-'Arabī.
- Al-Mausilī, Abū Bakr Khālīd Ibrāhīm (1990), *Syubah al-'Aqīdah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabī.
- Al-Nadwī, Abū Ḥasan 'Alī (1989), *Rijāl al-Fikr wa al-Da'wah fī al-Islām*, Kuwait: Dār al-Qalām.
- Al-Safārīnī, Muḥammad bin Aḥmad (1380 H), *Lawāmi' al-Anwār al-Bāhiyah wa Sawāti' al-Āthār al-Āthāriyyah li Sharḥ al-Durrat al-Māniyah fī 'Aqd al-Firqah al-Marḍiah*, Jeddah: Dār al-Asfihānī.
- Al-Subkī, Abd al-Wahāb bin 'Alī (1384 H), *Ṭabaqāt al-Syāfi'iyyah al-Kubrā*, j.2, Kaherah : al-Ḥalabī.
- Al-Syahrastānī (1961), *al Milal wa al-Niḥal*, Cairo: Muṣṭafā al-Ḥalabī.
- Badāwī, Abd al-Raḥmān (1983), *Maḍārib al-Islāmiyyin*, J. 11, Beirut: Dār al-Ilm al-Masayyīn.
- Bastamī, Muḥammad Sa'īd (1984), *Mafhūm Tajdīd al-Dīn*, Kuwait: Dār al-Dakwah.
- Ibn Aḥmad (1350H), *Sadharāt al-Dhahab*, J. 11, Kaherah: Maktabah al-Quds.
- Ibn al-'Imād Ḥanbalī, Abd al-Raḥmān, *Syadharāt al-Dhahab Fī Akhbār Man Dhahab*, J. 2, Beirut: Maṭba'ah al-Tijārī.
- Ibn al Jauzī al-Mulfazim (t.t.), *al Madhāhib*, J. 1, Kaherah: Dār al Fikr al-'Arabī.
- Ibn al-Āthīr, Muḥammad (1393 H), *Jāmi' al-Usūl fī al-Ḥadīth al-Rasūl*, j.11, Kaherah: t.p.
- Ibn al-Nadīm, *al-Fihrist* (t.t), Kaherah: Maṭba'ah al-Istiqāmah

- Ibn al-Şalāh (1992), *Ṭabaqāt al-Fuqahā'*, J. 11, Beirut: Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyah.
- Ibn 'Asākir (1346H), *Tabyīn Kadhb al-Muftarī*, Damsyiq: Maktabah al-Taufīq.
- Ibn 'Asākir, 'Alī bin Ḥasan (1374H), *Ta'yin Kazb al-Muftarā fi Mā Nusiba ilā al-Imām Abi Ḥasan al-Asy'arī*, Damsyiq: al-Tawfīq.
- Ibn Khalikan (t.t.), *Wafayāt al-A'yān*, J. 11, Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Islāmiyah.
- Ibn Taimiyah, Syeikh Aḥmad Taqī al-Dīn bin Abd al-Ḥalīm (1378H), *Fatāwā Syaikh al-Islām Ibn Taimiyah*, Abd al-Raḥmān Muḥammad al-Najdī (pnyt.), J. 10, Riyadh: t.p.
- Ibn al-Āthīr, Majd al-Dīn Abū al Sa'adat Muḥammad (1392H), *Jāmi' al-Usūl fi Aḥādīth al-Rasūl*, J. 11, Kaherah: al-Hitwanī.
- Ibn Kathīr (1966), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, J. 11, Beirut: Maṭba'ah al-Ma'ārif.
- Ibn Khaldūn, Abd al-Raḥmān bin Muḥammad (t.t.), *al-Muqaddimah*, Kaherah: Fajalah.